

**UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SERI SHAZIMAN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN (SKVE)

**PADA 10.30 PAGI
29 MEI 2012 (SELASA)
BERTEMPAT DI
PLAZA TOL TELUK PANGLIMA GARANG
LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN
SELANGOR**

Bismillahirrahmahnirahim,

Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Syed Jamal Bin Syed Jaafar,

Pengerusi,

Lembaga Lebuhraya Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Paduka Rahmat Bin Abu Bakar

Pengerusi Eksekutif SKVE Holdings

Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Ismail Bin Md Salleh

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Bin Yaacob

Ketua Pengarah

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sri. Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB)

Pegawai-Pegawai dari Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia serta Agensi-agensi Kerajaan,

Wakil-wakil syarikat konsesi lebuh raya,
Rakan-rakan media,

Y.Bhg.Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan berkat limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini untuk Majlis Perasmian Pakej 2 Lebuhraya Lembah Klang Selatan atau nama singkatannya SKVE. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat konsesi Lebuhraya SKVE kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Pakej 2, Lebuhraya SKVE pada pagi yang berbahagia ini.

2. Sesungguhnya, kita amat bertuah atas keberkatan dan rahmat Allah s.w.t yang telah mendatangkan kemajuan dan kejayaan kepada negara kita. Kita juga bersyukur kepada-Nya yang telah memberikan kekuatan, keiltizaman dan keikhlasan kepada pemimpin negara kita untuk terus berjuang memenuhi agenda pembangunan negara bagi kesejahteraan masyarakat Malaysia.

Hadirin Yang Dihormati,

3. Pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya baru yang kini menjadikan jumlah jarak keseluruhannya 1,700 kilometer, merupakan satu kejayaan pelaksanaan kerjasama awam-swasta (Public-Private Partnership, PPP) di Malaysia.

Pelaburan jangka panjang oleh Kerajaan di dalam sektor infrastruktur lebuh raya melalui kerjasama dengan pihak swasta ini adalah bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih pantas serta berupaya meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi penduduk. Ini kerana pembangunan lebuh raya mampu memberi kesan berganda dengan menarik lebih banyak program pembangunan harta tanah, perindustrian dan perbandaran yang secara tidak langsung memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat.

4. Kaedah kerjasama awam-swasta sebenarnya amat penting dalam menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam negara. Kerjasama ini menunjukkan keterbukaan dan kesungguhan Kerajaan untuk bekerjasama dengan pihak swasta bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik kepada rakyat. Kita sememangnya tidak dapat menafikan bahawa penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan dalam memodenkan lagi infrastruktur dalam negara terutamanya melalui pembinaan lebuh raya.

Hadirin Yang Dihormati,

5. Sistem rangkaian lebuh raya yang bersepadu berupaya membantu meningkatkan produktiviti sektor perniagaan dan perdagangan. Sistem pengangkutan yang cekap adalah amat penting dalam memastikan aktiviti ekonomi berjalan lancar dan seterusnya menarik minat pelabur memulakan perniagaan di Malaysia. Kementerian Kerja Raya turut memberi penekanan dalam menyediakan kemudahan lebuh raya yang efektif bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan-kawasan komersil utama dan perindustrian.

6. Dalam pada masa yang sama juga, Kerajaan sentiasa mencari kaedah yang paling berkesan dalam mengurangkan beban pengguna lebuh raya bertol. Salah satu inisiatif yang masih diteruskan pada masa ini walaupun orang ramai tidak lagi menyedarinya ialah pemberian diskaun sebanyak 20 peratus kepada pengguna kad pra bayar SmartTag dan Touch 'n Go yang membayar tol 80 kali atau lebih dalam tempoh 1 bulan. Promosi yang bermula sejak 1 September 2009 ini telah memberi penjimatan kepada pengguna dalam bentuk rebat yang sehingga kini berjumlah **RM227.3 juta**. Usaha ini amat bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk

menggalakkan lagi lebih ramai pengguna beralih kepada sistem pembayaran tol secara elektronik yang lebih mudah dan efisien.

7. Di samping itu juga, terdapat syarikat konsesi yang telah melaksanakan program pengguna kerap lebuh raya melalui pemberian rebat kepada pengguna-pengguna di lebuh raya di bawah kendalian mereka. Langkah ini adalah sebagai insentif untuk mengurangkan beban kewangan kepada pengguna-pengguna kerap lebuh raya yang menggunakan sistem kutipan tol secara elektronik.

Hadirin Yang Dihormati,

8. Di dalam meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat, Kerajaan sentiasa prihatin dan komited untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan seperti pemansuhan kutipan tol dan penurunan kadar tol. Pada 1 Mac 2012 yang lalu Y.A.B Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan bahawa kutipan tol di Plaza Tol Batu 9 (arah ke Kuala Lumpur) dan Plaza Tol Batu 11 (arah ke Kajang) telah ditamatkan lebih awal berbanding tempoh konesinya pada tahun 2027. Selain itu, pada 28 Januari 2011, Y.A.B Perdana Menteri, turut mengumumkan bahawa kutipan tol di Plaza Tol Arah Cheras dan arah Petaling Jaya, Lebuhraya Hubungan Timur - Barat ditamatkan lebih awal berbanding tempoh konesinya pada tahun 2018 tanpa sebarang bayaran pampasan. Langkah Kerajaan ini adalah manifestasi kesungguhan Kerajaan untuk mencari penyelesaian terbaik dalam isu tol.

9. Pemansuhan kutipan tol ini bukanlah perkara baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Malah ianya telah dilaksanakan semenjak tahun 1993 lagi. Di antara pemansuhan kutipan tol yang telah dilaksanakan adalah Plaza Tol Slim River, Lebuhraya Slim River - Tg. Malim pada 11 Januari 1993; Plaza Tol Jalan Cheras, Lebuhraya Hubungan Timur – Barat pada 14 September 2003; Plaza Tol Senai, Lebuhraya Utara Selatan pada 1 Mac 2004; Plaza Tol Jalan Pahang, Lebuhraya Hubungan Timur- Barat pada 18 Mac 2004; Plaza Tol PJS 2 (Arah Kuala Lumpur), Lebuhraya Baru Pantai (NPE) pada 14 Februari 2009; Plaza Tol Salak Jaya,

Lebuhraya Sungai Besi pada 24 Februari 2009 dan Plaza Tol Teluk Kapas, Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara (NKSB) pada 21 Disember 2009.

10. Di samping pemansuhan tol, Kerajaan juga menunjukkan keperihatinan menerusi penurunan kadar tol seperti di Plaza Tol PJS 2, Lebuhraya Baru Pantai (NPE) arah Subang di mana kadar tol kenderaan Kelas 1 dikurangkan daripada RM1.60 kepada RM1.00 yang berkuatkuasa pada 18 Februari 2011 serta pemberian diskaun kadar tol sebanyak 30 peratus kepada semua kelas kenderaan di Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia - Singapura (LINKEDUA) mulai 1 Ogos 2010 serta diskaun sebanyak 20 peratus kepada pengguna *Electronic Toll Collection* (ETC) yang berdaftar menggunakan Jambatan Pulau Pinang.

Hadirin yang dihormati,

11. Selain daripada pemansuhan kutipan tol dan penurunan kadar tol yang saya nyatakan sebentar tadi, Kerajaan juga telah mengambil langkah penyelesaian isu tol dengan menangguhkan kenaikan kadar tol dan memberi diskaun di beberapa lebuhraya. Di antara penangguhan kenaikan kadar tol yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan ialah di empat lebuhraya di bawah kumpulan PLUS Expressway Berhad untuk tempoh selama lima tahun sebelumnya yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 15 Oktober 2010 yang lalu. Penangguhan tersebut berkuatkuasa serta merta dari tarikh pengumuman. Penangguhan kenaikan kadar tol ini melibatkan Lebuhraya Utara Selatan (termasuk Lebuhraya Seremban – Port Dickson); Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE); Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia Singapura (LINKEDUA) dan Lebuhraya Kulim-Butterworth (KLBK). Di samping itu, bagi Lebuhraya di bawah Kumpulan MTD iaitu Lebuhraya KL-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), kadar tol semasa bagi lebuhraya-lebuhraya ini dikekalkan sehingga 2014. Inisiatif-inisiatif ini memperlihatkan komitmen Kerajaan untuk sentiasa memberi keutamaan dan mendahulukan rakyat.

12. Kerajaan yakin langkah ini bertepatan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Ini menggambarkan keperihatinan serta komitmen pihak Kerajaan

Barisan Nasional dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat Malaysia.

13. Hasrat Kerajaan dalam mendahuluikan rakyat jelas tergambar apabila syarikat-syarikat konsesi digalakkan untuk melaksanakan program *corporate social responsibility* (CSR) melalui pemberian diskauan kadar tol sempena musim perayaan dan juga pemberian diskauan atau rebat kepada pengguna kerap lebuh raya. Sepanjang tahun 2011, jumlah diskauan yang telah diberikan oleh syarikat konsesi untuk musim-musim perayaan adalah berjumlah **RM13.2 juta**. Pemberian diskauan ini akan diteruskan untuk musim-musim perayaan sepanjang tahun 2012.

Hadirin Yang Dihormati,

14. Lebuhraya SKVE merupakan salah satu lebuh raya yang menghubungkan pekan utama sedia ada serta kawasan yang mempunyai potensi pembangunan ekonomi. Saya amat berbangga dan ingin merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan penyempurnaan pakej 2, Lebuhraya SKVE kerana dengan pembukaan jajaran di bawah Pakej 2 ini, ianya secara tidak langsung menjadi pemangkin pembangunan persekitaran kawasan sepanjang koridor lebuh raya iaitu Bandar Saujana Putra, Kebun Baru, Sijangkang, Teluk Panglima Garang, Jenjarom dan Banting.

15. Ia juga merupakan lebuh raya yang menghubungkan daerah di bahagian selatan dengan daerah di bahagian barat Negeri Selangor. Penyambungan ini merupakan satu langkah penting dalam usaha melengkapkan jajaran jalan “*Kuala Lumpur Outer Ring Road*” atau KLORR yang merupakan satu jaringan lebuh raya yang menghubungkan lebuh raya-lebuh raya di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor.

16. Di samping itu, pembinaan Lebuhraya SKVE ini juga akan mempunyai hubungan rangkaian dengan lebuh raya – lebuh raya lain seperti Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lebuhraya Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK), Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP) dan pada masa akan datang dengan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (*West Coast Expressway*).

Hadirin Yang Dihormati,

17. Pertambahan jumlah trafik sememangnya mencerminkan impak yang positif kepada pembangunan ekonomi negara tetapi ianya turut memberi cabaran kepada Kerajaan untuk menyediakan pengurusan trafik yang lebih selamat dan efisien. Justeru, pembinaan lebuh raya ini boleh dianggap sebagai salah satu daripada usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah pengurusan dan penyuraian trafik. Adalah diharapkan dengan siapnya Lebuhraya SKVE ini, pergerakan lalu lintas akan menjadi lebih cepat, lancar, selamat dan memberikan lebih keselesaan kepada pengguna-pengguna berbanding jalan sedia ada.

18. Dari segi aspek kualiti dan ciri-ciri keselamatan, lebuh raya ini telah dibina secara 4 lorong 2 hala, dengan kelebaran 3.65 meter setiap lorong. Lebuh raya ini turut dilengkapi dengan informasi trafik, sistem pesanan maklumat berubah (VMS), pusat kawalan, sistem tol elektronik dan rondaan oleh pasukan ronda 24 jam sehari. Saya yakin, dengan segala kemudahan yang ditawarkan ini, Lebuhraya SKVE mampu menjadi salah satu laluan yang selesa dan selamat kepada pengguna lebuh raya. Harapan saya, agar lebuhraya SKVE ini dan kemudahannya akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa, sentiasa diselenggara dengan memuaskan dan menjadi laluan utama bagi pengguna lebuh raya.

Hadirin Yang Dihormati,

19. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada SKVE Holding Sdn. Bhd di atas kejayaan menyiapkan projek ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya ingin mengumumkan bahawa **SKVE Holdings Sdn. Bhd, syarikat konsesi bagi lebuh raya ini telah bersetuju untuk membuka Lebuhraya SKVE secara percuma tanpa kutipan tol kepada pengguna lebuh raya selama satu (1) bulan mulai 29 Mei hingga 29 Jun 2012.**

20. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, SKVE Holdings Sdn. Bhd serta

semua agensi dan pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam projek pembinaan lebuh raya ini.

21. Akhir kata, dengan lafaz Bismilahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Pakej 2, Lebuhraya Lembah Kelang Selatan (SKVE).

22. Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.